



DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR,
DI KUANTAN

KES MAL NO : 06100-014-0231 -2009, 06100-014-0480-2009,
06100-036-0186 – 2011

ANTARA

Huzreen Suzlin Binti Ab Hamid

Lwn

Muhammad Azrul bin Ab . Hadi

LOKASI	: Mahkamah Tinggi Syariah Kuantan
HAKIM	: YA Tuan Haji Mohd Yusof Bin Ab Ghani. AMP, HMHS
TARIKH	: 03 Dzulkaedah 1435H bersamaan 29 Ogos 2014
NO KES	: 06100-014-0231 -2009, 06100-014-0480-2009 06100-036-0186 – 2011
DISEDIAKAN OLEH	: Pegawai Penyelidik Hakim MTS Kuantan

PEGUAM SYARIE

Plaintif	: Huzreen Suzlin Binti Ab Hamid
Defenden	: Muhammad Azrul bin Ab . Hadi

FAKTA KES

Undang-Undang Pentadbiran-Mahkamah Tinggi Syariah-Bidangkuasa Mahkamah Tinggi Syariah – sek.47(1)(2)(a)(b)(i) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Negeri Pahang) 1991.

Undang-undang Keluarga Islam –Permohonan Fasakh- Samaada Plantif menepati satu atau lebih alasan-alasan pensabitan fasakh- sek.53 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Pahang) 2005.-Hadhanah –sek.85

Undang-undang Keterangan – Beban membuktikan-Sek.3(1), 72, 73(1) (2), 83 (6), 85 Akta Keterangan Mahkamah Syariah Negeri Pahang (2005).



Kes ini merupakan satu tuntutan Fasakh di bawah Seksyen.53 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Pahang) 2005 di Mahkamah Tinggi Syariah Kuantan. Plaintiff, Huzreen Suzlin Binti Ab.Hamid (No.K/P :780901-xx-xxxx) telah bernikah dengan Defendan, Muhammad Azrul Bin Ab.Hadi (No K/P: 751103-xx-xxxx) pada 17 Mei 2002 di rumah ibubapa Plaintiff di batu 12, Jalan Gambang berwalikan bapa kandung Plaintiff iaitu Ab.Hamid Bin Hj Mohamad.

Perkahwinan di antara Plaintiff dan Defendan adalah suka sama suka dan hasil daripada perkahwinan ini Plaintiff dan Defendan telah dikurniakan dua orang anak, seorang lelaki, Muhammad Iman syakeer Bin Muhammad Azrul yang lahir pada 18/01/2004 dan seorang anak perempuan bernama Puteri Nur Iman Syakireen Binti Muhammad Azrul lahir pada 09/08/2005.

Plaintif telah menfailkan tuntutan fasakh di Mahkamah Tinggi Syariah Kuantan diatas alasan Defendan dengan sengaja mengabaikan tanggungjawab sebagai seorang suami kepada Plaintiff, Defendan telah gagal memberikan nafkah yang sepatutnya kepada Plaintiff dan anak-anak, dan Defendan secara lazim menyakiti atau menjadikan kehidupan Plaintiff menderita disebabkan oleh kelakuan aniaya.

Plaintif juga dalam keterangannya mengatakan bahawa Defendan mempunyai tabiat buruk iaitu menghisap dadah. Plaintiff dan Defendan telah tidak tinggal bersama semenjak Mac 2008 sehingga kes difailkan dan sehingga sekarang tiada nafkah untuk Plaintiff dan anak-anak diberikan sepanjang tempoh tersebut.

Manakala Defendan dalam kes ini memohon kepada Mahkamah sekiranya perkahwinan tidak dapat dikekalkan, alternatif kepada perceraian adalah melalui Seksyen 49 iaitu Khul' (Tebus Talaq) selepas menyatakan Plaintiff berlaku curang dan mempunyai lelaki lain. Plaintiff juga telah memohon hak penjagaan anak (Hadhanah) bagi kes mal bernombor 06100-014-xxxx-xxxx, dan mendapatkan perintah (komital) menghina mahkamah bagi kes Mal No. 06100-036-xxxx-xxxx.



DIPUTUSKAN

Mahkamah memutuskan dengan membuat perintah seperti berikut:

1. Tuntutan fasakh yang dikemukakan oleh Plaintiff terhadap Defendant adalah disabitkan.
2. Mahkamah dengan ini memfasakhkan nikah kepada Huzreen Suzlin Binti Ab.Hamid dengan Muhammad Azrul Bin Ab.Hadi yang telah bernikah pada 17 Mei 2002.
3. Diperintahkan Plaintiff beriddah tiga kali suci mulai hari ini.
4. Daftar cerai Fasakh setelah tamat tempoh 14 hari untuk rayuan jika ada sebarang rayuan selepasnya.
5. Dua orang anak dipanggil ke Mahkamah Tinggi Syariah untuk diambil pendapatnya bagi kes Mal No. 06100-028-0480-2009.
6. Kes Mal No. 06100-036-0186 tahun 2011 dibatalkan.

DIPUTUSKAN

Peguam Syarie

Plaintif : Diwakili oleh Puan Nor Hidayah Binti Mustaffa dari Tetuan Nor Hidayah & Associates.

Defendant : Diwakili oleh Tuan Haji Mohamamed Sazali Bin Abd Aziz dari Tetuan Sazali & Lim

Surah-surah Al-Quran yang dirujuk

1. Surah Al-Baqarah , ayat 231,282
2. Surah Al-Talaq ,ayat 7
3. Surah Ar-Rum, ayat, 21

Kitab-kitab yang dirujuk

1. I'aanatut Taalibin, karangan Al-Sayyed Al-Bakri Ibnu al-Sayyed Muhammad Shato' al-Dimyaaty, juzuk keempat, terbitan Darul Fikr Littiba'ah wan Nashr wat Tauzi', tanpa tarikh, hlmn.86.
2. kitab Al-Fiqh Al-Islami wa-Adillatuh, oleh Prof. Dr. Wahbah Al-Zuhayli, juzuk kesembilan, cetakan keempat, Darul Fikr, Damsyek, Syria, tahun 1418H/ 1997M, hlmn. 7040 dan 7041.
3. kitab al-Firqatu Baina Al-Tazwijaini oleh Ali hasbullah, hlmn. 133
4. kitab Al-Mufid Min Al-Abhas Fi Ahkam Al-Jiwat Wa Al-Talaq Wa Al-Miraj, oleh Qadi Al-Syeikh Al-Syima', hlmn.145
5. Kitab Nizam Al-Qada` fil-al- Shariah al-Islamiah, Abd. Karim Zaydan, Matba`ah al-Ani, hlmn.155.
6. Mughni al-Muhtaj oleh Al-Khatib Muhammad al-Sharbini, , Jld.4, Dar-al-Fikr, hlmn.540
7. kitab Al-Umm oleh Imam Al-Shafie, (150 hingga 204 Hijriah), jilid ketiga, juzuk kelima, cetakan Darul Makrifah, Beirut, Lebanon, hlmn. 92.

Undang-undang yang dirujuk

1. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Neegri Pahang) 1991.sek. 47(1)(2)(a)(b)(i)
2. Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Pahang)2005.sek.53
3. Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah(Negeri Pahang) 2005. sek. Sek.3(1), 72, 73(1) (2), 83 (6), 85



Kes-kes yang dirujuk

Joan Mary Sulaiman lwn. Sulaiman bin Haji Musa, JH [1416] 97

Alasan Penghakiman Y.A.A Dato' Haji Abdul Rahman Bin Md Yunos, KHS.

- [1] Dalam kes ini, Mahkamah telah meneliti dan mendapati terdapat beberapa isu yang perlu diputuskan, iaitu:-
- a. Bidangkuasa Mahkamah; Samaada mahkamah ini berbidangkuasa terhadap permohonan yang dikemukakan.
 - b. Tuntutan Fasakh; Samaada alasan-alasan permohonan fasakh ini menepati dan mengikut Hukum Syarak dan Undang-undang.
 - c. Samaada pihak-pihak telah mengemukakan bukti dan keterangan yang cukup sebagaimana digariskan oleh hukum syarak dan undang-undang.

Isu Pertama: Samaada Mahkamah ini berbidangkuasa terhadap permohonan yang dikemukakan.

- [2] Kes ini merupakan satu tuntutan fasakh di Mahkamah Tinggi Syariah Kuantan. Oleh yang demikian Mahkamah telah merujuk kepada sek.47(2)(b)(i), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pahang) 1991 iaitu;
47. (1) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah mempunyai bidangkuasa di seluruh Negeri Pahang dan hendaklah di ketuai oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah.
- (2) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah -
- (b) dalam bidangkuasa mal, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding dalam mana semua pihak adalah orang Islam dan yang berkaitan dengan -
- I. pertunangan, perkahwinan, perceraian, pembatalan perkahwinan (fasakh), atau perpisahan (faraq);
 - II. apa-apa pelupusan atau tuntutan terhadap mana-mana harta yang timbul daripada perkara yang disebut dalam subperenggan (i);
 - III. nafkah tanggungan, kesahtaraan atau penjagaan kanak-kanak (hadhanah);
 - IV. pembahagian atau tuntutan terhadap harta sepencarian
 - V. wasiat atau pemberian semasa hampir maut (maradhu maut) seseorang si mati Islam;
 - VI. pemberian semasa hidup atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang mencukupi dengan wang atau nilai wang oleh seseorang Islam;
 - VII. wakaf atau nazar;
 - VIII. menentukan waris dan membahagikan harta berwasiat atau tidak berwasiat orang Islam; dan



- IX. perkara-perkara lain yang berkenaan dengannya bidangkuasa diberi oleh mana-mana undang-undang bertulis.
- [3] Mahkamah juga berpandukan kepada sek. 53, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Pahang)2005 yang memperuntukkan bahawa;
- (1) Seseorang perempuan atau lelaki, mengikut mana-mana yang berkenaan, berkahwin mengikut Hukum Syarak adalah berhak mendapat suatu perintah untuk membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh atas satu atau lebih daripada alasan-alasan yang berikut, iaitu—
- (a) bahawa tempat di mana beradanya suami atau isteri telah tidak diketahui selama tempoh lebih daripada satu tahun;
- (b) bahawa suami telah cuai atau telah tidak mengadakan peruntukan bagi nafkahnya selama tempoh tiga bulan;
- (c) bahawa suami atau isteri telah dihukum penjara selama tempoh tiga tahun atau lebih;
- (d) bahawa suami atau isteri telah tidak menunaikan, tanpa sebab yang munasabah, kewajipan perkahwinannya (nafkah batin) selama tempoh satu tahun;
- (e) bahawa suami telah mati pucuk pada masa perkahwinan dan masih lagi sedemikian dan isteri tidak tahu pada masa perkahwinan bahawa suami telah mati pucuk;
- (f) bahawa suami atau isteri telah gila selama tempoh dua tahun atau sedang mengidap penyakit kusta atau vitiligo atau sedang mengidap penyakit kelamin dalam keadaan boleh berjangkit;
- (g) bahawa isteri, setelah dikahwinkan oleh wali Mujbirnya sebelum ia mencapai umur baligh, menolak perkahwinan itu sebelum mencapai umur lapan belas tahun, dan ia belum disetubuh oleh suaminya itu;
- (h) bahawa suami atau isteri menganiayai isteri atau suaminya iaitu, antara lain—
- (i) lazim menyakiti atau menjadikan kehidupannya menderita disebabkan oleh kelakuan aniaya;
- (ii) berkawan dengan perempuan-perempuan atau lelaki jahat atau hidup berperangai keji mengikut pandangan Hukum Syarak;
- (iii) cuba memaksa isteri hidup secara lucah;
- (iv) melupuskan harta isteri atau suami atau melarang isteri atau



suami itu dari menggunakan hak-haknya di sisi undang-undang terhadap harta itu;

(v) menghalang isteri atau suami dari menunai atau menjalankan kewajipan atau amalan agamanya;

(vi) jika suami mempunyai isteri lebih daripada seorang, dia tidak melayani isteri yang berkenaan secara adil mengikut kehendak-kehendak Hukum Syarak;

(i) bahawa walau pun empat bulan berlalu tetapi isteri masih belum disetubuhinya oleh kerana suami bersengaja enggan mensetubuhinya;

(j) bahawa isteri tidak izin akan perkahwinan itu atau izinnya tidak sah, sama ada oleh sebab paksaan, kesilapan, ketidak sempurnaan akal, atau hal keadaan lain yang diakui oleh Hukum Syarak;

(k) bahawa pada masa perkahwinan itu isteri, sungguh pun berkebolehan memberi izin yang sah, adalah seorang yang sakit otak, sama ada berterusan atau berselangan, dalam erti Ordinan Sakit Otak 1952 [Ord. 31/52] dan sakit otaknya adalah dari suatu jenis atau setakat yang menjadikannya tidak layak untuk berkahwin; atau

(l) apa-apa alasan lain yang diiktiraf sebagai sah bagi membubarkan perkahwinan atau bagi fasakh di bawah Hukum Syarak.

(2) Mana-mana orang yang berkahwin mengikut Hukum Syarak adalah berhak mendapatkan perintah bagi pembubaran perkahwinan atau fasakh atas alasan bahawa isteri menjadi tak upaya yang menghalang persetubuhan.

(3) Tiada sesuatu perintah boleh dibuat atas alasan dalam perenggan (1)(c) dalam sehingga hukuman itu telah dikemukakan dan suami atau isteri telahpun menjalani satu tahun dari hukuman itu.

(4) Sebelum membuat suatu perintah atas alasan dalam perenggan (1)(e) Mahkamah hendaklah, atas permohonan suami, membuat suatu perintah menghendaki suami memuaskan hati Mahkamah dalam tempoh satu tahun dari tarikh perintah itu bahawa dia tidak lagi mati pucuk, dan jika suami memuaskan hati Mahkamah sedemikian dalam tempoh itu, tiada sesuatu perintah boleh dibuat atas alasan itu.

(5) Tiada sesuatu perintah boleh dibuat atas mana-mana alasan dalam subseksyen(1) jika suami memuaskan hati Mahkamah bahawa isteri, dengan mengetahui bahawa adalah terbuka kepadanya untuk mendapatkan perkahwinan itu ditolak, telah bertingkah laku terhadap



suaminya dengan cara yang menyebabkan suami mempercayai dengan munasabah bahawa isteri tidak akan menolak perkahwinan itu, dan bahawa adalah tidak adil kepada suami jika dibuat perintah itu.

- [4] Berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan undang-undang tersebut, adalah jelas bahawa, Mahkamah ini berbidangkuasa untuk mendengar kes ini.

Isu Kedua: Tuntutan Fasakh; Samaada alasan-alasan permohonan fasakh ini menepati dan mengikut Hukum Syarak dan Undang-undang.

- [5] Tuntutan plaintif di dalam kes ini adalah satu permohonan cerai fasakh di bawah seksyen 53 enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2005 berdasarkan kepada seksyen 53 (1) (b) dan (h) (i) dan (l). Dalam kes ini, Mahkamah tinggi Syariah merujuk sek. 53, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Pahang) 2005 yang memperuntukkan bahawa; (1) Seseorang perempuan atau lelaki, mengikut mana-mana yang berkenaan, berkahwin mengikut Hukum Syarak adalah berhak mendapat suatu perintah untuk membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh atas satu atau lebih daripada alasan-alasan yang berikut, iaitu—
- (a) bahawa tempat di mana beradanya suami atau isteri telah tidak diketahui selama tempoh lebih daripada satu tahun;
- (b) bahawa suami telah cuai atau telah tidak mengadakan peruntukan bagi nafkahnya selama tempoh tiga bulan;
- (c) bahawa suami atau isteri telah dihukum penjara selama tempoh tiga tahun atau lebih;
- (d) bahawa suami atau isteri telah tidak menuaikan, tanpa sebab yang munasabah, kewajipan perkahwinannya (nafkah batin) selama tempoh satu tahun;
- (e) bahawa suami telah mati pucuk pada masa perkahwinan dan masih lagi sedemikian dan isteri tidak tahu pada masa perkahwinan bahawa suami telah mati pucuk;
- (f) bahawa suami atau isteri telah gila selama tempoh dua tahun atau sedang mengidap penyakit kusta atau vitiligo atau sedang mengidap penyakit kelamin dalam keadaan boleh berjangkit;
- (g) bahawa isteri, setelah dikahwinkan oleh wali Mujbirnya sebelum ia mencapai umur baligh, menolak perkahwinan itu sebelum mencapai umur lapan belas tahun, dan ia belum disetubuh oleh suaminya itu;



- (h) bahawa suami atau isteri menganiayai isteri atau suaminya iaitu, antara lain—
- (i) lazim menyakiti atau menjadikan kehidupannya menderita disebabkan oleh kelakuan aniaya;
 - (ii) berkawan dengan perempuan-perempuan atau lelaki jahat atau hidup berperangai keji mengikut pandangan Hukum Syarak;
 - (iii) cuba memaksa isteri hidup secara lucah;
 - (iv) melupuskan harta isteri atau suami atau melarang isteri atau suami itu dari menggunakan hak-haknya di sisi undang-undang terhadap harta itu;
 - (v) menghalang isteri atau suami dari menunai atau menjalankan kewajipan atau amalan agamanya;
 - (vi) jika suami mempunyai isteri lebih daripada seorang, dia tidak melayani isteri yang berkenaan secara adil mengikut kehendak-kehendak Hukum Syarak;
- (i) bahawa walau pun empat bulan berlalu tetapi isteri masih belum disetubuhinya oleh kerana suami bersengaja enggan mensetubuhinya;
- (j) bahawa isteri tidak izin akan perkahwinan itu atau izinnya tidak sah, sama ada oleh sebab paksaan, kesilapan, ketidak sempurnaan akal, atau hal keadaan lain yang diakui oleh Hukum Syarak;
- (k) bahawa pada masa perkahwinan itu isteri, sungguh pun berkebolehan memberi izin yang sah, adalah seorang yang sakit otak, sama ada berterusan atau berselangan, dalam erti Ordinan Sakit Otak 1952 [Ord. 31/52] dan sakit otaknya adalah dari suatu jenis atau setakat yang menjadikannya tidak layak untuk berkahwin; atau
- (l) apa-apa alasan lain yang diiktiraf sebagai sah bagi membubarkan perkahwinan atau bagi fasakh di bawah Hukum Syarak.
- (2) Mana-mana orang yang berkahwin mengikut Hukum Syarak adalah berhak mendapatkan perintah bagi pembubaran perkahwinan atau fasakh atas alasan bahawa isteri menjadi tak upaya yang menghalang persetubuhan.



(3) Tiada sesuatu perintah boleh dibuat atas alasan dalam perenggan (1)(c) dalam sehingga hukuman itu telah dikemukakan dan suami atau isteri telahpun menjalani satu tahun dari hukuman itu.

(4) Sebelum membuat suatu perintah atas alasan dalam perenggan (1)(e) Mahkamah hendaklah, atas permohonan suami, membuat suatu perintah menghendaki suami memuaskan hati Mahkamah dalam tempoh satu tahun dari tarikh perintah itu bahawa dia tidak lagi mati pucuk, dan jika suami memuaskan hati Mahkamah sedemikian dalam tempoh itu, tiada sesuatu perintah boleh dibuat atas alasan itu.

(5) Tiada sesuatu perintah boleh dibuat atas mana-mana alasan dalam subseksyen(1) jika suami memuaskan hati Mahkamah bahawa isteri, dengan mengetahui bahawa adalah terbuka kepadanya untuk mendapatkan perkahwinan itu ditolak, telah bertingkahlaku terhadap suaminya dengan cara yang menyebabkan suami mempercayai dengan munasabah bahawa isteri tidak akan menolak perkahwinan itu, dan bahawa adalah tidak adil kepada suami jika dibuat perintah itu.

- [6] Sebelum meneliti alasan-alasan fasakh yang telah diterima Oleh Mahkamah ini samaada untuk meluluskan atau menolak tuntutan ini, amat wajar untuk Mahkamah menjelaskan kepada pihak-pihak mengenai fasakh dari sudut Hukum Syarak dan Undang-undang seterusnya meneliti alasan-alasan fasakh yang telah diterima oleh Mahkamah Yang Mulia ini bagi pensabitan fasakh.
- [7] Fasakh juga ditakrifkan sebagai pembubaran atau pembatalan perkahwinan melalui perintah kehakiman. Perpisahan melalui cara ini adalah juga dikenali sebagai tafriq dalam bahasa Arab.
- [8] Mengikut Seksyen 2(1) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Pahang) 2005, Fasakh diertikan sebagai pembubaran nikah disebabkan oleh sesuatu hal keadaan yang diharuskan oleh Hukum Syara` mengikut seksyen 53.
- [9] Fasakh Nikah mengikut Hukum Syarak disyariatkan adalah bertujuan untuk membendung mudharat (atau darar) yang menimpa atas diri isteri. Mahkamah berpendapat sekiranya suasana rumah tangga sesuatu pasangan suami isteri itu bukan lagi merupakan tempat untuk 'bersenang hati' dalam situasi kehidupan yang penuh mesra, sudah pasti perasaan kasih sayang dan belas kasihan antara suami isteri tidak akan wujud. Oleh itu jika suasana rumah tangga menjadi sedemikian rupa, ada kemungkinan wujudnya kemudarat yang akan menimpa atas diri isteri.



- [10] Dalam kitab I'aanatut Taalibin, karangan Al-Sayyed Al-Bakri Ibnu al-Sayyed Muhammad Shato' al-Dimyaaty, juzuk keempat, terbitan Darul Fikr Littiba'ah wan Nashr wat Tauzi', tanpa tarikh, pada halaman 86 ada menyebut;

وَشُرِعَ أَيِّ الْفَسْحَجَ دَفْعًا لِضَرَرِ الْمَرْأَةِ

Yang bermaksud:

"Fasakh nikah disyariatkan bagi membendung mudarat (darar) yang akan menimpa atas diri isteri."

- [11] Seksyen 2[1], Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Pahang) 2005 juga menafsirkan 'darar syar'ie' sebagai, bahaya yang menyentuh isteri mengenai agama, nyawa, tubuh badan, akal fikiran, atau hartabenda, menurut kebiasaan yang diakui oleh Hukum Syara'.

- [12] Di dalam kitab Al-Fiqh Al-Islami wa-Adillatuh, oleh Prof. Dr. Wahbah Al-Zuhayli, juzuk kesembilan, cetakan keempat, Darul Fikr, Damsyek, Syria, tahun 1418H/ 1997M, pada muka surat 7041 menyebut;

وَيُلَاحِظُ أَنَّ التَّفْرِيقَ يَخْتَلِفُ عَنِ الطَّلاقِ بِأَنَّ الطَّلاقَ يَقْعُدُ بِإِخْتِيَارِ النَّزَوْجِ وَإِرَادَتِهِ، أَمَّا التَّفْرِيقُ فَيَقْعُدُ بِحُكْمِ الْقَاضِيِّ،
لِتَمْكِينِ الْمَرْأَةِ مِنْ إِنْهَاءِ الرَّابِطَةِ النِّزَوْجِيَّةِ جَبَرًا عَنِ النَّزَوْجِ، إِذَا لَمْ تَفْلُحِ الْوَسَائِلُ الْإِخْتِيَارِيَّةُ مِنْ طَلاقٍ أَوْ خَلْعٍ

Yang bermaksud:

"Pembubaran perkahwinan adalah berbeza dengan talaq (cerai), ini kerana cerai berlaku adalah dengan kehendak suami dan pilihannya sendiri, sedangkan pembubaran perkahwinan berlaku mengikut keputusan Hakim. Tujuan pembubaran perkahwinan ini adalah bagi membolehkan pihak isteri menamatkan ikatan perkahwinan dengan suaminya, setelah semua cara lain yang menjadi pilihan seperti cerai dan tebus talaq, tidak berjaya diperolehi."

- [13] Dalam kitab yang sama pada muka surat 7040, pengarangnya menyenaraikan ada sepuluh pembubaran perkahwinan, yang terdiri dari :-
- 1) Pembubaran perkahwinan kerana kegagalan memberi nafkah;
 - 2) Pembubaran perkahwinan kerana ada kecacatan atau penyakit;
 - 3) Pembubaran perkahwinan kerana tidak sehaluan, deraan(mendatangkan mudarat (darar) dan layanan buruk;
 - 4) Talaq secara ta'assuf;
 - 5) Pembubaran perkahwinan kerana sebab ghaib;
 - 6) Pembubaran perkahwinan kerana ditahan;
 - 7) Pembubaran perkahwinan kerana berlaku ilaa';
 - 8) Pembubaran perkahwinan kerana berlaku li'an;
 - 9) Pembubaran perkahwinan kerana berlaku zihar; dan
 - 10) Pembubaran perkahwinan kerana murtad atau salah seorang dari suami atau isteri itu memeluk Islam.



- [14] Pada dasarnya fasakh tidak dinyatakan secara terang di dalam Al-Quran, akan tetapi secara prinsipnya boleh dilihat didalam Surah Al-Baqarah ayat 231:

وَإِذَا طَلَقْتُمُ النِّسَاءَ فَبَلَغْنَ أَجَلَهُنَّ فَأَمْسِكُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ أَوْ سَرِحُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ وَلَا مُسِكُوهُنَّ ضِرَارًا لِتَعْتَدُواْ وَمَن يَفْعَلْ ذَلِكَ فَقَدْ ظَلَمَ نَفْسَهُ وَلَا تَتَخِذُواْ إِيمَانَ اللَّهِ هُرُواً وَأَذْكُرُواْ نِعْمَاتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَمَا أَنْزَلَ عَلَيْكُمْ مِنَ الْكِتَابِ وَالْحِكْمَةُ يَعْظِمُ كُمْ بِهِ وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلَيْمٌ

Bermaksud:

“dan apabila kamu menceraikan isteri-isteri (kamu) kemudian mereka (hampir) habis tempoh idahnya maka bolehlah kamu pegang mereka (rujuk) Dengan cara Yang baik atau lepaskan mereka Dengan cara Yang baik. dan janganlah kamu pegang mereka (rujuk semula Dengan maksud memberi mudarat, kerana kamu hendak melakukan kezaliman (terhadap mereka); dan sesiapa Yang melakukan demikian maka Sesungguhnya Dia menganiaya dirinya sendiri. dan janganlah kamu menjadikan ayat-ayat hukum Allah itu sebagai ejek-ejekan (dan permainan). dan kenanglah nikmat Allah Yang diberikan kepada kamu, (dan kenanglah) apa Yang diturunkan kepada kamu laitu Kitab (Al-Quran) dan ilmu hikmat, untuk memberi pengajaran kepada kamu dengannya. dan bertaqwalah kepada Allah serta ketahuilah: Sesungguhnya Allah Maha mengetahui akan tiap-tiap sesuatu”.

- [15] Ayat diatas secara dasarnya menjelaskan bahawa tidak harus bagi seseorang suami itu mandatangkan mudarat dan melakukan kezaliman kepada isteri. Keharusan fasakh hanya diasaskan kepada larangan melakukan kemudaratatan sepetimana hadis nabi, diriwayatkan daripada Abi Said Al-Khuzri r.a. bahwasanya nabi s.a.w. bersabda;

لا ضرر ولا ضرار

Bermaksud:

“Tidak ada kemudarat dan tidak memudaratkan”

(Riwayat Ibnu Majah dan Al-Daraqtani – Sunan Ibnu Majah, Juzuk 7,
No.Hadis 2331, hlmn,143)



- [16] Dalam hadis ini Rasulullah S.A.W. menyentuh tentang larangan melakukan mudarat kepada orang lain. Hadis ini kemudian diterima sebagai asas bagi kaedah fiqhiyyah dalam memahami peruntukan Hukum Syarak;

الضرر يزال

Bermaksud:

“Maksudnya: Kemudaratan hendaklah dihilangkan”

- [17] Kaedah fiqh ini memberi ruang bertindak untuk menuntut fasakh dalam urusan perkahwinan yang mengandungi unsur-unsur darar keatas satu pihak yang lain sama ada kerana keaiban ataupun salah laku pasangannya.
- [18] dalam kes ini, Mahkamah telah mengambil keterangan plaintif yang mana plaintif telah bekerja sebagai Eksekutif Pemasaran di Celcom dengan gaji lebih kurang RM2700 sebulan manakala defendant tidak mempunyai pekerjaan yang tetap dan berpendapatan rendah. Defendant telah cuai dalam menyediakan nafkah sewajarnya kepada Plaintiff dan anak-anak yang boleh mendatangkan darar kepada plaintiff dan anak-anak yang mana sepatutnya nafkah merupakan hak isteri dan tanggungjawab suami untuk menyediakannya.
- [19] Mahkamah mendapati keterangan plaintif juga membuktikan plaintif telah membeli rumah di Pandan Perdana 2, Kuantan dan Plaintiff turut membeli kenderaan yang merupakan keperluan yang mana rumah dan kereta tersebut dibayar oleh plaintif dan suami hanya menumpang sahaja.
- [20] Mahkamah berpuas hati dengan keterangan dan Qarinah plaintif bahawa kehidupan rumah tangga Plaintiff dan Defendant banyak ditanggung oleh Plaintiff, selain rumah dan kereta plaintiff turut menanggung yuran pelajaran anak di TASKA, malah perbelanjaan lain rumah tangga semua dibiayai oleh Plaintiff sendiri. Defendant tidak memberikan nafkah yang sewajarnya kepada Plaintiff dan tidak bertanggungjawab terhadap urusan rumah tangga. Plaintiff telah berkorban segala-galanya untuk Defendant, urusan rumah tangga dan anak-anak.



- [21] Isu pemberian nafkah yang dibangkitkan oleh Plaintiff telah dinyatakan secara terang di dalam Al-Quran, Surah Al-Talaq ayat 7 yang menyebut:

لِيُنْفِقَ ذُو سَعَةٍ مِّنْ سَعْتِهِ وَمَنْ قُدِرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُ فَلْيُنْفِقْ مِمَّا أَتَهُ اللَّهُ لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا مَا
أَتَاهَا سَيَجْعَلُ اللَّهُ بَعْدَ عُسْرٍ يُسْرًا ﴿٧﴾

Bermaksud;

"hendaklah orang Yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya; dan sesiapa Yang di sempitkan rezekinya, maka hendaklah ia memberi nafkah dari apa Yang diberikan Allah kepadanya (sekadar Yang mampu); Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuan) Yang diberikan Allah kepadaNya. (orang-orang Yang Dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan."

- [22] Oleh itu, Mahkamah menyimpulkan Defenden dalam kes ini telah cuai dalam menjaga rumah tangganya. Defenden juga gagal menjalankan kewajipannya menafkahi Plaintiff sedangkan Plaintiff tidak pernah disabitkan Nusyuz oleh mana-mana Mahkamah yang mana akan menggugurkan haknya daripada nafkah.
- [23] Hukum Syarak dan Undang-undang memberi kuasa kepada Mahkamah untuk membubarkan perkahwinan suami isteri berdasarkan kepada alasan-alasan yang munasabah di sisi Hukum Syara'. Antara alasannya ialah apabila suami tidak memberi nafkah yang wajib kepada isteri untuk suatu tempoh tertentu sebagaimana hujah diatas.

Di dalam kes **Joan Mary Sulaiman Iwn Sulaiman Hajji Musa**, Yang Arif Hakim Abu Bakar ada mengatakan:-

"Tidak memberi nafkah atau tidak mengadakan nafkah kepada isteri boleh menjadi kesukaran dan kesusahan dalam meneruskan hidup kerana nafkah adalah keperluan asas untuk hidup"

Ia juga boleh dirujuk di dalam kitab Al-Firqatu Baina Al-Tazwijaini oleh Ali hasbullah, muka surat 133 yang maksudnya :

"Adalah tidak syak lagi bahawa memegang isteri tanpa memberi nafkah adalah sangat-sangat memudaratkannya dan menyakitinya. Dalam hal ini suami sepautnya melepaskan isteri dengan cara-cara yang baik. Apabila suami tidak berbuat demikian, maka Qadhi boleh menjatuhkan talaq itu untuk menghindarkan kezaliman dan menolak kemudharatan."



Di dalam kitab Al-Mufid Min Al-Abhas Fi Ahkam Al-Jiwat Wa Al-Talaq Wa Al-Miraj, oleh Qadi Al-Syeikh Al-Syima', hlmn.145 ada menyatakan yang maksudnya:

"Imam Malik, Imam Syafie dan Imam Ahmad berpendapat bahawa harus diceraikan jika tidak diberi nafkah"

- [24] Jika dilihat keadaan perkahwinan dalam kes ini dan perhubungan antara Plaintiff dan Defendan jelas telah jauh dari perkahwinan yang dianjurkan oleh Agama Islam, Allah telah berfirman di dalam surah Ar-Rum ayat 21 menerangkan bahawa:

وَمِنْ ءَايَتِهِ أَنَّ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

Bermaksud:

"dan di antara tanda-tanda Yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, Bahawa ia menciptakan untuk kamu (Wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikannya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya Yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang Yang berfikir."

- [25] Dari keterangan plaintiff mahkamah sabitkan fasakh adalah wajar kerana Defendan tiada menunjukkan kesungguhan untuk menjernihkan kehidupan rumah tangga Plaintiff dan Defendan. Walaupun tinggal berasingan tetapi jika Defendan kekal memberikan nafkah isteri dan anak-anak dan menanggung sama bayaran rumah dan kereta yang dibeli tidak mustahil rumah tangga plaintiff akan kembali bahagia.

Isu Ketiga: Samaada pihak-pihak telah mengemukakan bukti dan keterangan yang cukup sebagaimana digariskan oleh undang-undang dan hukum syarak.

- [26] Keterangan plaintiff turut di buktikan di mahkamah dan juga menerusi saksi-saksi plaintiff. Mahkamah berhasrat untuk menjelaskan kepada pihak-pihak mengenai beban pembuktian seterusnya penjelasan mengenai keterangan dan pembuktian kepada Mahkamah dengan lebih jelas.

Hadis Rasullullah S.A.W. ;

البينة على المدعى واليمين على من انكر

Bermaksud:

"Bayyinah adalah keatas orang yang mendakwa dan sumpah keatas orang yang di dakwa."



- [27] Mahkamah merujuk kepada sek.72, 73(1) (2) Akta Keterangan Mahkamah Syariah Negeri Pahang (2005) yang menyatakan bahawa;
- [28] Beban untuk mengemukakan keterangan dalam sesuatu kes mal terletak pada orang yang mengatakan atau menegaskan sesuatu fakta (al-Mudda'i) dan orang yang mengangkat sumpah untuk manafikan atau mempertikaikan sesuatu fakta (al-Mudda'a'alaih).
- [29] Oleh itu, orang yang mendakwa (muddaei) perlulah mengemukakan keterangan-keterangan bagi membuktikan dakwaanya. Manakala Orang yang kena dakwa (mudda alaih) tidaklah perlu bersumpah didalam kes-kes sebegini kerana dalam masa yang sama Plaintiff mendakwa dengan mengemukakan bukti-bukti yang harus meyakinkan Mahkamah bahawa Defendan telah menepati kehendak syarak dan undang-undang bahawa perbuatan beliau boleh disabitkan dengan pembubaran perkahwinan (fasakh).
- [30] Plaintiff telah memberi keterangan dengan membawa bukti ke Mahkamah bagi menyokong dakwaan-dakwaan yang dibuat terhadap Defendan. Mahkamah mendapati dan berpuas hati dengan segala keterangan-keterangan kedua-dua pihak dan saksi-saksi yang dikemukakan.
- [31] Plaintiff telah mengemukakan tiga orang saksi iaitu:
- i. Zawiyah Daud - (SP 1)
 - ii. Rahmat Bin Muhammad - (SP 2)
 - iii. Uzair Bin Megat Ali - (SP 3)
- [32] Defendan juga perlulah mengemukakan keterangan untuk dijadikan bahan bukti seperti dokumen-dokumen, selain membawa saksi-saksi bagi manafikan dakwaan yang dibuat. Sek. 3(1) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri Pahang (2005) menyebut; "keterangan" termasuk—
(a) bayyinah dan syahadah;
(b) segala pernyataan yang dibenarkan atau dikehendaki oleh Mahkamah supaya dibuat di hadapannya oleh saksi berhubung dengan perkara-perkara fakta yang disiasat: pernyataan sedemikian disebut keterangan lisan;
(c) segala dokumen yang dikemukakan bagi pemeriksaan Mahkamah: dokumen sedemikian disebut keterangan dokumentar;



- [33] "Syahadah" atau kesaksian menurut Al-Khatib Muhammad al-Sharbini, didalam Kitab Mughni al-Muhtaj, Jld.4, Dar-al-Fikr, hlmn.540;
"Kesaksian ialah pemberitahuan yang benar untuk mensabitkan sesuatu hak dengan lafaz syahadah dalam majlis penghakiman"
- [34] "Bayyinah" menurut sek.3(1) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri Pahang (2005) bermaksud keterangan yang membuktikan sesuatu hak atau kepentingan dan termasuklah 'qarinah'.
- [35] "Qarinah" pula seperti dijelaskan di dalam Kitab Nizam Al-Qada` fil-al-Shariah al-Islamiah, Abd. Karim Zaydan, Matba`ah al-Ani, hlmn.155;
"Qarinah ialah sesuatu perkara yang menjadi dalil ada sesuatu atau tidak ada sesuatu sama ada dalam bentuk keadaan, suasana, perkataan dan perbuatan"
- [36] Berkaitan penerimaan keterangan saksi pula, walaupun saksi yang dikemukakan oleh Plaintiff mempunyai hubungan kekeluargaan iaitu ibu Plaintiff, tetapi tidak bermakna Mahkamah ini perlu mengenepikan terus keterangan tersebut.
- [37] Mahkamah merujuk kepada sek.83(6), Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Pahang) 2005 yang memperuntukkan; Seseorang yang kebolehpercayaannya diragui kerana hubungan baiknya dengan dan mempunyai kepentingan dengan pihak menentang adalah berwibawa untuk memberikan bayyinah tetapi tidak berwibawa untuk memberikan syahadah.
- [38] Sek.85 dalam Enakmen yang sama pula menyatakan;
(1) Keterangan seorang suami terhadap isterinya dan keterangan isteri terhadap suaminya boleh diterima sebagai syahadah dan bayyinah.
(2) Keterangan seorang anak terhadap ibu atau bapanya dan keterangan ibu atau bapa terhadap anaknya boleh diterima sebagai syahadah dan bayyinah.
(3) Keterangan seorang suami bagi isterinya dan keterangan isteri bagi suaminya boleh diterima sebagai bayyinah.
(4) Keterangan ibu atau bapa bagi anaknya dan keterangan anak bagi ibu atau bapanya boleh diterima sebagai bayyinah.



- [39] Oleh itu, jelaslah bahawa saksi-saksi yang dikemukakan oleh Plaintiff adalah benar dan boleh diterima. Ini adalah seperti yang terdapat dalam firman Allah S.W.T di dalam surah Al-Baqarah, sebahagian ayat 282 yang bermaksud:
- “...Hendaklah kamu bersaksikan dengan dua orang saksi lelaki dan jika tidak dapat maka hendaklah seorang lelaki dan dua orang perempuan...”
- [40] Namun, di dalam kes ini mahkamah menolak keterangan mengenai defendant pernah menghisap dadah selepas Plaintiff gagal untuk membuktikannya. Tiada saksi yang dipanggil oleh pihak Plaintiff bagi membuktikan yang Defendant menghisap dadah dan tiada bukti yang meyakinkan Mahkamah mengaitkan Defendant menghisap dadah.
- [41] Didalam kes ini juga, Defendant telah gagal mengemukakan apa-apa keterangan yang meyakinkan dan tidak menafikan dan seterusnya tidak membuktikan sebaliknya keterangan Plaintiff dan saksi-saksi Plaintiff. Malah, keterangan Defendant hanya menceritakan keburukan Plaintiff yang menurut Defendant mempunyai hubungan dengan lelaki lain. Ini bukanlah usaha untuk menjernihkan kembali hubungan rumah tangga Plaintiff dan Defendant, malah ini adalah penyebab kepada syiqaq yang berpanjangan sejak 2008 sehingga kes difaiklan .
- [42] Malah keterangan saksi Defendant yang juga merupakan ibu kepada Defendant iaitu Hjh Saleha Binti Sulaiman –SD1 tidak menunjukkan adanya usaha-usaha dari defendant sendiri atau keluarga untuk mendamaikan dan menjernihkan kembali hubungan suami isteri antara plaintiff dan Defendant. Sepatutnya ibu defendant lebih berusaha untuk mendamaikan pasangan ini.
- [43] Sehingga kini tiada tanda-tanda perkahwinan ini telah pulih daripada ‘shiqqaq’. Mahkamah juga berpendapat bahawa mengekalkan rumah tangga sedangkan pihak-pihak tetap tidak bersama juga hanya menyusahkan pasangan ini sendiri dan semakin memudharatkan. Dalam hal ini Defendant tidaklah perlu menunggu lama untuk menceraikan Plaintiff. Defendant juga dengan sengaja tidak mencari jalan penyelesaian sebagai usaha untuk memulihkan hubungan suami isteri.
- [44] Apa yang jelas kepada Mahkamah adalah pasangan ini telah berpisah tempat tinggal dan tidak lagi hidup sebagai suami isteri sebagaimana pasangan lain dalam tempoh yang lama iaitu sejak tahun 2008. Perkara ini adalah bertentangan dengan hukum syarak dan pastinya menyebabkan berlaku mudharat terutama kepada diri Plaintiff. Diantaranya ialah:



- 1) Pergaulan terbatas kerana masih menjadi isteri kepada seseorang.
 - 2) Terpaksa bekerja mencari rezeki sedangkan suami wajib memberi nafkah kepada isterinya.
 - 3) Terpaksa mencari tempat tinggal yang selesa tanpa ditanggung oleh suami
 - 4) Tidak mendapat nafkah batin yang mana ia adalah hak seorang isteri.
- [45] Berhubungan dengan Hadhanah kes mal No. 06100-014-xxxx-xxxx mahkamah merujuk kepada Seksyen 85 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Pahang) 2005 yang memperuntukkan bahawa;
- Hak hadhinah bagi menjaga seseorang kanak-kanak adalah tamat setelah kanak-kanak itu mencapai umur tujuh tahun, jika kanak-kanak itu lelaki, dan umur Sembilan tahun, jika kanak-kanak itu perempuan, tetapi mahkamah boleh , atas permohonan Hadhinah, membenarkan dia menjaga kanak-kanak itu sehingga kanak-kanak mencapai umur Sembilan tahun, jika kanak-kanak itu lelaki, dan umur sebelas tahun, jika kanak-kanak itu perempuan.
 - Setelah tamatnya hak hadinah, penjagaan adalah turun kepada bapa, dan jika kanak-kanak itu telah mencapai umur kecerdikan (mumaiyyiz), maka kanak-kanak adalah berhak memilih untuk tinggal sama ada ibu atau bapanya, melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya.
- [46] Mahkamah mendapati kedua-dua anak plaintif dan Defendan telahpun mumaiyyiz (mencapai umur kecerdikan) dan berhak memilih untuk tinggal bersama plaintif atau Defendan. Dalam satu hadith riwayat Imam Ahmad, dikisahkan bahawa Rasulullah s.a.w telah menyuruh seorang anak yang sudah mumaiyyiz memilih sama ada ibu atau bapa yang dia suka tinggal. "Wahai anak! Ini bapamu dan ini ibumu, peganglah tangan siapa yang kamu suka antara mereka berdua. Lalu anak itu memegang tangan ibunya, lantas ibunya membawa ia pergi." **(HR Imam Ahmad)**

Di dalam kitab Al-Um oleh Imam Al-Shafie, (150 hingga 204 Hijriah), jilid ketiga, Juzuk kelima, cetakan Darul Makrifah, Beirut, Lebanon, di muka 92 ada disebut;

'Al-Shafie berkata,' Apabila berpisah kedua ibu bapa dan kedua-duanya berada di dalam satu qaryah, maka ibu adalah lebih berhak terhadap anaknya selama dia belum berkahwin lain dan semasa anak itu masih kecil. Sekiranya anak itu mencapai umur tujuh tahun atau lapan tahun dan dia mempunyai kesempurnaan akal, anak itu disuruh membuat



pilihan penjaganya diantara bapanya atau ibunya dan anak itu hendaklah bersama dengan penjaga pilihannya itu."

Keputusan:

SETELAH Mahkamah meneliti serta menghalusi segala keterangan Plaintiff dan Defendant, saksi-saksi Plaintiff dan Defendant, hujah daripada peguam Plaintiff dan Defendant, Dokumen-dokumen yang dikemukakan, maka Mahkamah berpuashati, dengan ini Mahkamah perintah dan sabitkan bahawa tuntutan fasakh Plaintiff adalah jelas dan wajar memandangkan dalam kes ini Defendant tidak mahu melafazkan talaq kepada plaintiff, wujudnya darar di pihak Plaintiff, dan tiada tanda-tanda perkahwinan ini pulih daripada shiqaq.

Diperintahkan Plaintiff untuk beriddah tiga kali suci mulai hari ini dan daftar cerai Fasakh setelah tamat tempoh 14 hari untuk rayuan jika ada sebarang rayuan selepasnya. bagi kes Mal No. 06100-028-0480-2009 untuk hadhanah, dua orang anak dipanggil ke Mahkamah Tinggi Syariah untuk diambil pendapatnya dan Kes Mal No. 06100-036-0186 tahun 2011 dibatalkan.